

667 pelajar lanjut pengajian pascasiswazah di UMS

UB 13.8.2018 B2

SERAMAI 667 pelajar menerima tawaran untuk melanjutkan pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu.

Daripada jumlah itu, 331 pelajar mengikuti pengajian secara penyelidikan iaitu masing-masing 127 orang bagi peringkat Sarjana dan 204 bagi peringkat Doktor Falsafah.

Jumlah selebihnya iaitu 336 orang pula ditawarkan pengajian secara Kerja Kursus menerusi Pusat Luar UMS (PLUMS).

Proses pendaftaran telah berlangsung pada Sabtu di Kompleks Dewan Kuliah Pusat UMS yang turut menyaksikan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS Prof Dr Rasid Hj Mail untuk beramah mesra dengan para pelajar.

Rasid berkata, para



PENDAFTARAN pelajar oleh sekretariat pascasiswazah.



SEORANG pelajar warga Indonesia yang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan bergambar bersama Rasid dan Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar) Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS Dr Jakaria Dasan.

pelajar akan mengikuti Kursus Penyelidikan Metodologi selama seminggu yang diadakan di Auditorium dan Bilik Seminar Pascasiswazah bermula hari ini sehingga 17 Ogos 2018.

“Menerusi kursus

penyelidikan ini, para pelajar akan diperkenalkan dengan sistem pengajian pascasiswazah di UMS.

“Para pelajar juga berpeluang mengikuti sesi ceramah berkaitan dengan beberapa asas teknik penyelidikan yang sangat

penting untuk memastikan mereka dapat mengikuti pengajian dengan baik,” katanya.

Pada minggu seterusnya


tambah beliau, para pelajar akan mengikuti sesi suai kenal dengan fakulti dan pusat penyelidikan masing-masing.



PELAJAR pascasiswazah datang bersama keluarga.



KAUNTER Kawangan.



E-Register memudahkan proses pendaftaran.



PROSES semakan dokumen.



KAUNTER Pusat Luar UMS (PLUMS).